



SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 30 April 2010

Khazanah perkukuhkan lagi barisan kepimpinan kanan, melantik empat Pengarah Eksekutif baru

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) hari ini mengumumkan barisan kepimpinan kanan barunya yang menyaksikan pelantikan empat orang Pengarah Eksekutif dan dua orang Pengarah baru. Semua pelantikan ini dibuat bagi memperkukuhkan pembangunan modal insan dan menyegarkan barisan pengurusan kanan Khazanah sebagai persediaan untuk memasuki penggal ketiga kepimpinan Tan Sri Dato’ Azman Mokhtar menerajui Khazanah sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif bermula 1 Jun 2010.

Pengarah-pengarah Eksekutif baru yang dilantik ialah Mohd Izani Ashari, Joseph Dominic Silva, Dato’ Noorazman Abd Aziz dan Mohammed Rashdan Mohd Yusof.

Dominic yang kini Pengarah, Pelaburan, dilantik sebagai Pengarah Eksekutif di Bahagian yang sama sementara Izani Ashari yang kini Pengarah di Pejabat Pengurusan Transformasi (“TMO”), Khazanah, dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Projek Khas di Pejabat Pengarah Urusan (“MDO”). Kedua-dua pelantikan dalaman ini akan berkuat kuasa 1 Mei 2010.

Sementara itu, Dato’ Noorazman dan Mohammed Rashdan akan menyertai Khazanah daripada industri perkhidmatan kewangan tempatan. Dato’ Noorazman dan Mohammed Rashdan akan memulakan tugas sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan berkuat kuasa 17 Mei 2010.

Selain itu, Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan (“CFO”) Khazanah, Mohd Nadziruddin Mohd Basri akan memainkan peranan baru sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan berkuat kuasa 1 Jun 2010. Tempat beliau akan diisi oleh Mohd Izani Ghani, yang dilantik sebagai Pengarah dan CFO. Izani Ghani kini memegang jawatan Naib Presiden Kanan, Kewangan. Barisan kepimpinan kanan Khazanah akan turut diperkukuhkan dengan pelantikan Sheranjiv Sammanthan sebagai Pengarah, MDO. Beliau kini memegang jawatan kanan di salah sebuah firma perkhidmatan profesional di Malaysia. Kedua-dua pelantikan ini akan berkuat kuasa pada 1 Jun 2010.

Dominic yang mula bertugas di Khazanah sebagai Pengarah, Pelaburan pada 1 Ogos 2008 kini memimpin pasukan institusi kewangan di Khazanah. Beliau juga merupakan Pengarah CIMB Niaga, Indonesia. Sebelum menyertai Khazanah, Dominic mempunyai pengalaman lebih 18 tahun berkhidmat dalam sektor perbankan - 12 tahun daripadanya di Bank ABN AMRO. Di bank berkenaan, beliau telah memegang pelbagai jawatan di peringkat serantau dan antarabangsa dalam bidang pengurusan perhubungan, kewangan berstruktur, pasaran modal, pengurusan risiko dan portfolio serta pembangunan perniagaan strategik. Sebelum itu, beliau pernah bertugas di salah sebuah kumpulan kewangan Jepun utama di Asia dalam bahagian Kewangan Korporat.

Izani Ashari mula bertugas di Khazanah sebagai Pengarah, TMO pada 1 April 2009. Dalam peranan baru beliau nanti, Izani akan meneruskan usaha untuk memacu Program Transformasi GLC. Izani Ashari memiliki pengalaman kira-kira 25 tahun bertugas di pelbagai syarikat multinasional dan syarikat besar lain yang beroperasi dalam enam industri yang berbeza. Sebelum menyertai Khazanah, beliau merupakan Pengurus Besar, Projek Khas di Petronas Carigali, dan bertanggungjawab untuk

mentransformasikan syarikat tersebut serta memperkukuhkan kedudukan Petronas dalam usahanya menjadi syarikat bertaraf antarabangsa.

Dato' Noorazman akan menyertai Khazanah daripada Fajr Capital Ltd., yang mana beliau kini merupakan Pengarah Urusan dan Rakan kongsi syarikat tersebut. Beliau berpengalaman lebih 25 tahun dalam kewangan antarabangsa, perbankan korporat dan pasaran kewangan serta perbankan dan kewangan Islam. Beliau pernah memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") Bank Islam Malaysia Bhd, CEO Kumpulan BIMB Holdings Bhd, Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ("LOFSA" – kini Pihak Berkuasa Kewangan Labuan) serta beberapa jawatan kanan di Citibank Ltd di Malaysia dan Amerika Syarikat.

Mohammed Rashdan sebelum ini merupakan CEO Maybank Investment Bank Bhd. Beliau juga pernah memegang jawatan Pengarah Urusan dan Pengasas Bersama BinaFikir Sdn. Bhd. Sebelum itu, Mohammed Rashdan pernah bertugas di PricewaterhouseCoopers ("PwC") London dan memegang jawatan Pengarah Eksekutif di PwC, Kuala Lumpur.

Mohd Nadziruddin menyertai Khazanah sebagai Pengarah dan Ketua Pegawai Kewangan pada Jun 2007. Beliau seterusnya dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Kewangan. Mohd Nadziruddin memulakan kerjaya di Ernst & Young Kuala Lumpur sebelum menyertai Malaysian Airline System Bhd ("MAS") pada 2003. Jawatan terakhir beliau di MAS adalah Pengurus Besar Kanan – Operasi Lapangan Terbang. Beliau kini juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Malaysia Airports Holdings Bhd dan Penerbangan Malaysia Berhad.

Izani Ghani menyertai Khazanah pada Mac 2005 bagi mengetuai aktiviti-aktiviti pendanaan dan perbendaharaan. Dalam aktiviti pendanaan, beliau bertanggungjawab membangunkan pelbagai program sukuk bagi Khazanah serta penerbitan beberapa sukuk boleh tukar dalam mata wang USD yang penting. Sebelum menyertai Khazanah, beliau pernah bertugas selama enam tahun di Putrajaya Holdings Sdn Bhd, yang mana beliau bertanggungjawab dalam aktiviti penajaan dana, perbendaharaan dan pembayaran projek. Beliau kini juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Sheranjiv kini merupakan Pengarah Eksekutif Kanan di PwC Advisory Services Malaysia. Beliau berpengalaman selama 18 tahun dalam bidang khidmat nasihat perniagaan dan runding cara pengurusan di PwC London dan Kuala Lumpur.

Khazanah juga ingin merakamkan penghargaannya kepada Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin, di atas sumbangan beliau selama tiga tahun di Khazanah. Tunku Dato' Fawzy akan menamatkan perkhidmatan beliau sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan apabila kontrak beliau tamat pada Mei 2010. Khazanah ingin turut merakamkan penghargaan atas sumbangan Allahyarham Ismael Fariz Ali, Pengarah Eksekutif, Pelaburan yang telah kembali ke rahmatullah pada Disember 2009.

Dengan pelantikan baru ini, barisan kepimpinan Khazanah yang baru adalah seperti berikut:

Pengarah Urusan dan CEO	: Tan Sri Dato' Azman Hj. Mokhtar
Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi	: Dato' Mohammad Zainal Shaari
Pengarah Eksekutif dan Ketua Pelaburan	: Ganen Sarvananthan

Pengarah Eksekutif, Pelaburan	: Ben Chan
Pengarah Eksekutif, Pelaburan	: Michael Jude Fernandes
Pengarah Eksekutif, Pelaburan	: Joseph Dominic Silva
Pengarah Eksekutif, Pelaburan	: Dato' Noorazman Abd Aziz
Pengarah Eksekutif, Pelaburan	: Mohammed Rashdan Mohd Yusof
Pengarah Eksekutif, Pelaburan	: Mohd Nadziruddin Mohd Basri
Pengarah Eksekutif, Penyelidikan & Strategi Pelaburan Khazanah (“KRIS”)	: Dr. Nungsari Ahmad Radhi
Pengarah Eksekutif, Pengurusan Modal Insan Strategik (“SHCM”)	: Shahnaz Al-Sadat
Pengarah Eksekutif, Projek Khas, Pejabat Pengarah Urusan (“MDO”)	: Mohd Izani Ashari
Pengarah dan Ketua Pegawai Kewangan	: Mohd Izani Ghani
Pengarah, Unit Pengurusan Strategik, MDO	: Ahmad Farouk Mohammed
Pengarah, MDO	: Sheranjiv Sammanthan

Tamat

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Asuki Abas di talian +603 2034 0000 atau di e-mel asuki.abas@khaazanah.com.my